

# Kenyataan Razaleigh jejas usaha saya: Hussein

PETALING JAYA, Isnin — Tun Hussein Onn hari ini berkata usaha-usahanya bagi menyelesaikan pertikaian Umno menghadapi rintangan berikutan kenyataan Tengku Razaleigh Hamzah baru-baru ini bahawa beliau tidak mahu menyertai semula parti itu.

Tun Hussein berkata kenyataan itu dibuat oleh Tengku Razaleigh ketika beliau sedang membuat kemajuan dalam usahanya.

Beliau berkata rintangan itu hanya boleh diatasi jika setiap pihak yang terbabit dalam pertikaian itu boleh memecahkan 'benteng' yang timbul disebabkan sikap mereka keberatan mengalah kepada orang lain dan tidak benar-benar ikhlas untuk berdamai.

Bekas Perdana Menteri berkata beliau kini mengambil sikap tunggu dan lihat sambil berharap semua pihak yang terbabit akan dapat memecahkan 'benteng' itu.

"Ia selalunya timbul kerana semua orang mempunyai pendapatnya sendiri (dan tidak bersedia mengalah kepada orang lain)," katanya kepada pemberita di sini.

Tun Hussein, bagaimanapun, berkata usaha perdamaian yang dipertanggungjawabkan kepada beliau akan diteruskan kerana beliau yakin lambat laun semua pihak yang terbabit akan berjaya memecahkan 'benteng' itu.

"Sementara itu, kita terpaksa tunggu dan lihat dan berharap sesuatu yang baik akan berlaku," katanya.

Tun Hussein Onn berkata, setakat ini beliau bertemu dua kali dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di satu pihak dan juga dengan Datuk Musa Hitam dan Tengku Razaleigh di pihak lain bagi mengemukakan pelbagai cadangan dan cadangan balas daripada kedua-dua pihak.

"Semua rungutan yang dikemukakan oleh satu pihak sudah dikemukakan kepada pihak lain," katanya.

Tun Hussein menawarkan diri untuk menyelesaikan pertikaian itu berikutan Forum Perpaduan Melayu Johor Disember lalu yang menerima enam resolusi bertujuan menyelesaikan masalah perpaduan dalam Umno dan di kalangan orang Melayu. — Bernama